

**MAKLUM BALAS INPUT DAN CADANGAN SEMPENA SESI LIBAT URUS BELANJAWAN 2021 YAB DATO' MENTERI
BESAR SELANGOR BERSAMA AHLI DEWAN NEGERI DAN AHLI PARLIMEN NEGERI SELANGOR**

BIL	INPUT DAN CADANGAN DARIPADA	PERKARA YANG DIBANGKITKAN	MAKLUM BALAS JABATAN/ AGENSI
1.	YB Kuang	PENGURUSAN & PERANCANGAN INFRASTRUKTUR/ PEMBANGUNAN - Penangguhan projek-projek pembangunan yang berskala besar dan dianjakkan ke tahun 2022 supaya Kerajaan Negeri memberi fokus sepenuhnya kepada masalah rakyat sepanjang tempoh PKP. - Projek-projek kecil yang berimpak tinggi boleh diberi keutamaan terlebih dahulu memandangkan tempoh pelaksanaannya boleh dilaksanakan dengan cepat. - Peruntukan JKR- memantau semula projek menaiktaraf Lorong Melati Kuang ke Sg Buloh kerana terdapat kecacatan fizikal projek tersebut. - Peruntukan PBT - Kerja pembersihan sampah dikembalikan semula kepada PBT kerana KDEB Waste gagal membersihkan kawasan taman dan kawasan komersial yang lain dengan sempurna. Pemantauan kutipan sampah adalah lemah dan tidak mengikut jadual.	Kontrak perjanjian kutipan sampah dan pembersihan awam antara KDEB dan semua PBT adalah selama 7 tahun. Sebanyak 6,500 tan sehari yang dijanakan oleh 6.3 juta penduduk telah dikutip dan dilupuskan di tapak pelupusan Worldwide Holding Berhad (WHB). Skop dan kekerapan adalah berbeza mengikut PBT masing-masing yang mengambil kira bajet

LAMPIRAN A

BIL	INPUT DAN CADANGAN DARIPADA	PERKARA YANG DIBANGKITKAN	MAKLUM BALAS JABATAN/ AGENSI
			yang mampu disediakan. Terdapat skop kerja yang bukan dibawah tanggungjawab pihak KDEBWM seperti longkang monsoon, jalan JKR, parit JPS, parit tanah, taman permainan, cantasan pokok, sampah industri, sampah binaan dan sampah haram. Dalam masa yang sama, Pentadbiran ini akan meminta KDEB menambahbaik serta meningkatkan aktiviti kutipan sampah dan pembersihan awam termasuk kerja pemantaun bagi memastikan negeri Selangor bersih dan terkawal.
2.	YB Shah Alam (MP)	PENGURUSAN & PERANCANGAN INFRASTRUKTUR/ PEMBANGUNAN Mencadangkan satu sesi libat urus dengan pihak pemain industri yang berkenaan bersama PBT bagi mendapatkan input berkaitan projek pembangunan untuk meminimumkan kesan negatif pandemik COVID-19.	Di bawah Invest Selangor, ada satu Jawatankuasa Pelaburan yang turut dianggotai oleh Pegawai Pelaburan PBT. Oleh itu, perkara ini akan diteliti bersama Invest Selangor bagi memastikan sesi lebat urus dengan pihak industri lebih menyeluruh.
3.	YB Seri Setia	PENGURUSAN & PERANCANGAN INFRASTRUKTUR/ PEMBANGUNAN Isu penyelenggaraan jalan yang bertindih masih berlaku dan memberi kepada	SPBT UPEN telah mengadakan perbincangan dengan semua PBT Negeri Selangor pada 23 Februari 2021 bagi membincangkan isu

LAMPIRAN A

BIL	INPUT DAN CADANGAN DARIPADA	PERKARA YANG DIBANGKITKAN	MAKLUM BALAS JABATAN/ AGENSI
		penduduk yang melibatkan pelbagai agensi seperti JKR, JPS dan PBT. - Mewujudkan dan memperbanyakkan kawasan gerai-gerai terancang untuk membantu penjaja kecil. - Mempergiatkan lagi bantuan pemasangan CCTV.	pembaikan jalan di negeri Selangor. Antara cadangan yang diterima adalah PBT menyenaraikan jalan-jalan utama milik JKR khususnya di kawasan Bandar untuk diselenggara sepenuhnya oleh PBT yang merangkumi pembaikan jalan, lampu, kebersihan dan lain-lain. Cadangan ini tidak melibatkan penyerahan jalan oleh JKR kepada PBT, hanya penyerahan skop kerja dan peruntukan Marris. Sekiranya cadangan dipersetujui, peruntukan Marris untuk kegunaan jalan-jalan tersebut dicadangkan untuk disalurkan kepada PBT. Walau bagaimanapun, segala pertimbangan adalah tertakluk kepada keputusan JKR. Kerajaan Negeri mengambil maklum akan cadangan memperbanyakkan kawasan gerai-gerai terancang untuk membantu penjaja kecil. Perkara ini akan diteliti oleh PBT mengikut kawasan pentabdiran masing-masing. Pada masa ini, Kerajaan Negeri mempunyai 414 CCTV yang diuruskan oleh PBT. Selain itu, terdapat beberapa PBT yang turut memasang CCTV tambahan menggunakan peruntukan sendiri. Oleh itu, sebarang penambahan CCTV akan diteliti mengikut kesesuaian dan peruntukan sedia ada.

LAMPIRAN A

BIL	INPUT DAN CADANGAN DARIPADA	PERKARA YANG DIBANGKITKAN	MAKLUM BALAS JABATAN/ AGENSI
4.	YB Kota Anggerik	PENGURUSAN & PERANCANGAN INFRASTRUKTUR/ PEMBANGUNAN - Isu pertindihan jalan JKR dan MBSA perlu penyelarasan yang berkesan.	Jawapan seperti di atas.
5.	YB Klang (MP)	PENGURUSAN & PERANCANGAN INFRASTRUKTUR/ PEMBANGUNAN - Kerajaan Negeri dicadangkan agar membina asrama untuk pekerja asing yang lengkap dan mematuhi SOP yang ditetapkan untuk mengelakkan penyebaran wabak COVID-19.	Secara amnya, tanggungjawab penyediaan asrama pekerja adalah dibawah syarikat dan bukan Kerajaan Negeri. Perkara ini perlu diteliti dengan lebih terperinci kerana ia meibakan kos yang tinggi. Pada masa ini, Kerajaan Negeri telah menerima pakai Prosedur Permohonan Penginapan Secara jangka Pendek (2021-2023) yang dikeluarkan oleh KPKT bagi membantu syarikat menyediakan penginapan pekerja sementara mengikut peraturan semasa dalam mengawal penularan COVID-19. KPKT dijangka mengeluarkan Garis Panduan Perancangan Penginapan Pekerja Berpusat (<i>Centralised Labour Quarters – CLQ</i>) dalam masa terdekat. Dengan adanya garis panduan ini akan memudahkan pihak syarikat menyediakan asrama pekerja yang lebih kondusif dan memenuhi piawaian kesihatan.

BIL	INPUT DAN CADANGAN DARIPADA	PERKARA YANG DIBANGKITKAN	MAKLUM BALAS JABATAN/ AGENSI
6.	YB Sijangkang	PENGURUSAN & PERANCANGAN INFRASTRUKTUR/ PEMBANGUNAN - PDT dan PBT perlu menyiapkan/ menyediakan pre com plan bagi kemudahan awam asas supaya perkara ini dapat dilaksanakan segera selepas tempoh pandemik. - Masalah sisa pepejal domestik semakin meningkat. - Isu Labuhan Dagang melibatkan aduan kerja-kerja jalan berlubang. - Perancangan kerajaan bagi menjadikan Istana Bandar dan Kapal Korek Sri Banting sebagai tempat pelancongan selepas pandemik berakhir. - Isu banjir kilat di Pandamaran melibatkan rancangan tebatan banjir oleh JPS dan JKR. - Projek lampu isyarat di Jalan Klang – Banting perlu di atasi oleh Kerajaan Negeri. - Naik taraf jalan alternative ke Klang dan jalan <i>Interchange</i> di Gamuda Cove. - Perancangan infra berkaitan Sungai Langat. - Status pelaksanaan West Coast Expressway (WCE) dari Kuala Langat dan Dengkil. - Peruntukan pembangunan perlu diberi fokus kepada projek penyelenggaraan untuk tambah baik capaian wifi di luar bandar.	PBT mengambil maklum. Sebanyak 6,500 tan sehari yang dijanakan oleh 6.3 juta penduduk telah dikutip dan dilupuskan di tapak pelupusan Worldwide Holding Berhad (WHB). Sisa domestic adalah lebih tinggi di kawasan perumahan ketika Pandemik Covid di mana orang awam bekerja dari rumah. Pentadbiran ini akan meminta KDEB menambahbaik serta meningkatkan aktiviti kutipan sampah dan pembersihan awam termasuk kerja pemantaun bagi memastikan negeri Selangor bersih dan terkawal.

BIL	INPUT DAN CADANGAN DARIPADA	PERKARA YANG DIBANGKITKAN	MAKLUM BALAS JABATAN/ AGENSI
7.	YB Tanjong Karang (MP)	PENGURUSAN & PERANCANGAN INFRASTRUKTUR/ PEMBANGUNAN - Menyemak semula penyelenggaraan lampu di sekitar Tanjong Karang yang rosak. - Menyemak semula pembangunan di dataran /dewan tanjong karang yang tertangguh untuk disegerakan pembangunan. - Kawasan tepi pantai kelulusan perlu diberikan bagi tujuan pemberian warta di bawah seliaan Jabatan Hutan untuk dijadikan kawasan rekreasi. - Kerajaan Negeri menyediakan peruntukan untuk pembaikan jalan bagi kawasan sawah padi selepas habis musim padi.	PBT mengambil maklum dan akan mengambil tindakan sewajarnya.
8.	YB Banting	PENGURUSAN PEMBAYARAN CUKAI - Pertimbangan perlepasan membayar cukai taksiran dan cukai tanah dan kelonggaran bayaran secara ansuran.	Bermula 2016, Kerajaan Negeri telah mengecualikan cukai taksiran melibatkan rumah kos rendah dan kediaman kampung. Oleh itu, pelaksanaan bayaran ansuran untuk cukai taksiran kepada semua hendaklah diteliti dengan terperinci bagi mengelakkan kekangan kewangan di pihak PBT.
9.	YB Sungai Air Tawar	PENGURUSAN PEMBAYARAN CUKAI - Pengecualian daripada fi Lesen PBT kepada usahawan IKS/ peniaga kecil.	Fi Lesen penjaja dan beberap kategori peniaga kecil telah dikecualikan sejak tahun 2016 hingga

LAMPIRAN A

BIL	INPUT DAN CADANGAN DARIPADA	PERKARA YANG DIBANGKITKAN	MAKLUM BALAS JABATAN/ AGENSI
			kini. Sebarang bayaran yang dikenakan oleh Majlis adalah bagi pengurusan sampah, penyelenggaraan atau sewa petak dan tiada akena mengena fi lesen.
10.	YB Subang Jaya	PENGURUSAN PEMBAYARAN CUKAI - Kaedah pengiraan kadar cukai tanah perlu dikaji semula kerana kadarnya tidak seimbang di sesetengah kawasan / negeri lain.	Semua PBT sedang menyediakan penilaian semula cukai taksiran di kawasan masing-masing. Sebarang kuatkuasa kadar cukai baharu adalah tertakluk kepada pertimbangan Kerajaan Negeri.
11.	YB Tanjong Karang (MP)	PENGURUSAN PEMBAYARAN CUKAI - Moratorium – menilai untuk diberi untuk cukai pintu tafsiran.	Perkara ini perlu diteliti dengan lebih terperinci memandangkan ia melibatkan hampir sebahagian besar hasil Majlis.
12.	YB Hulu Kelang	MERINGANKAN BEBANAN RAKYAT - Bantuan makanan atau kupon pembelian barang keperluan, penangguhan bayaran atau bayaran secara ansuran cukai rumah, cukai tanah, sewa kedai dan premis.	Bermula 2016, Kerajaan Negeri telah mengecualikan cukai taksiran melibatkan rumah kos rendah dan kediaman kampung. Oleh itu, pelaksanaan moratorium untuk cukai taksiran kepada semua hendaklah diteliti dengan terperinci bagi mengelakkan kekangan kewangan di pihak PBT. Disamping itu, Kerajaan Negeri telah meluluskan pengecualian sewa premis milik Majlis bagi 2 bulan tahun 2020 dan juga tahun 2021 (untuk yang tidak beroperasi).

LAMPIRAN A

BIL	INPUT DAN CADANGAN DARIPADA	PERKARA YANG DIBANGKITKAN	MAKLUM BALAS JABATAN/ AGENSI
13.	YB Shah Alam (MP)	MERINGANKAN BEBANAN RAKYAT - Terdapat pelepasan atau kelonggaran yang diberikan tidak dinikmati oleh <i>end user</i> contohnya seperti penyewa. - Mengurangkan kos sewaan kios/ gerai atau secara percuma ketika PKP. - Memberikan bantuan kepada pemandu bas sekolah dan pengusaha kantin.	Kerajaan Negeri telah meluluskan pengecualian sewa premis milik Majlis bagi 2 bulan tahun 2020 dan juga tahun 2021 (untuk yang tidak beroperasi).
14.	YB Klang (MP)	MERINGANKAN BEBANAN RAKYAT - Memberi 50% potongan sewa kepada peniaga-peniaga kecil yang menyewa bangunan milik Kerajaan Negeri.	Kerajaan Negeri telah meluluskan pengecualian sewa premis milik Majlis bagi 2 bulan tahun 2020 dan juga tahun 2021 (untuk yang tidak beroperasi).

BIL	INPUT DAN CADANGAN DARIPADA	PERKARA YANG DIBANGKITKAN	MAKLUM BALAS JABATAN/ AGENSI
15.	YB Bukit Melawati	MERINGANKAN BEBANAN RAKYAT - Bantuan bencana kepada petani, penternak dan nelayan dalam aspek pengurusan bencana. - Program KISS wajar diteruskan, mohon penelitian semula SOP atau pun dasar program ini untuk ditambahbaik dan diperluas. - Mengkaji semula <i>blue print</i> bantuan Kerajaan Prihatin bagi membasmi kemiskinan kerana SOP sedia ada mengambil masa sehingga 7 ke 8 bulan dan jawatankuasa hanya bersidang 2 kali setahun. - Sewaan kedai boleh diberi pengecualian kepada peniaga. - Bantuan kepada sektor pelancongan.	Kerajaan Negeri telah meluluskan pengecualian sewa premis milik Majlis bagi 2 bulan tahun 2020 dan juga tahun 2021 (untuk yang tidak beroperasi).
16.	YB Tanjong Karang (MP)	MERINGANKAN BEBANAN RAKYAT - Moratorium – menilai untuk diberi untuk cukai pintu tafsiran. - Peluang pekerjaan di Selangor – Kerajaan Negeri menyediakan mana-mana skim yang membantu rakyat yang telah diberhentikan kerja akibat Covid-19.	Bermula 2016, Kerajaan Negeri telah mengecualikan cukai taksiran melibatkan rumah kos rendah dan kediaman kampung. Oleh itu, pelaksanaan moratorium untuk cukai taksiran kepada semua hendaklah diteliti dengan terperinci bagi mengelakkan kekangan kewangan di pihak PBT.

LAMPIRAN A

BIL	INPUT DAN CADANGAN DARIPADA	PERKARA YANG DIBANGKITKAN	MAKLUM BALAS JABATAN/ AGENSI
17.	YB Sungai Panjang	MERINGANKAN BEBANAN RAKYAT - Moratorium secara automatik kepada peminjam HIJRAH supaya peminjam tak perlu membuat permohonan. - Memohon PBT beri kelonggaran penguatkuasaan kepada penjaja kecil untuk berniaga tanpa lesen dalam tempoh pandemik.	PBT mengambil maklum akan cadangan dan memahami situasi semasa. Namun tindakan penguatkuasaan dilaksanakan adalah bagi memastikan kesejahteraan awam. Sekiranya aktiviti tersebut mengganggu lalu lintas atau menyebabkan kacau ganggu, tindakan perlu diambil segera bagi mengelakkan kesan negatif yang lebih besar.
18.	YB Seri Setia	MERINGANKAN BEBANAN RAKYAT - Mengurangkan kos sewaan kios/ gerai atau diberikan pengecualian sewa ketika PKP. - Memberikan bantuan kepada pemandu bas sekolah dan pengusaha kantin.	Kerajaan Negeri telah meluluskan pengecualian sewa premis milik Majlis bagi 2 bulan tahun 2020 dan juga tahun 2021 (untuk yang tidak beroperasi).
PENGESAHAN KETUA JABATAN			